

# Malam pelajar antarabangsa UMP

**Kuantan:** Pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan budaya unik negara masing-masing menerusi program Malam Antarabangsa di Dewan Astaka universiti itu, baru-baru ini.

Majlis itu dimeriahkan lebih 500 warga UMP yang memakai busana tradisional negara masing-masing, selain persembahan serta hidangan juadah menarik disediakan oleh pelajar seperti pisang keju dari Indonesia, manto (Afghanistan) dan menthi tikki (Pakistan).

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program tahunan itu sentiasa dinantikan kerana pelajar dapat bertemu dan saling berkongsi pengala-

man dengan rakan senegara serta warga lain di universiti berkenaan.

## **Komuniti kampus harmoni**

Ketika ini, beliau berkata, terdapat kira-kira 500 pelajar dan kakitangan antarabangsa di UMP, termasuk dari Iraq, Bangladesh, China, India, Indonesia, Afghanistan, Libya, Nigeria, Oman, Algeria, Pakistan, Palestin, Republik Chad, Somalia, Sudan dan Yaman.

"Penganjuran program ini menjadi wadah untuk pelajar antarabangsa memperkenalkan budaya unik negara masing-masing.

"Selain itu, meningkatkan persefahaman antara mereka, sekaligus mewujudkan komuniti kampus yang harmoni walaupun berbeza bangsa dan agama," katanya ketika

berucap merasmikan program berkenaan.

Yang turut hadir ialah Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Prof Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim.

## **Nikmati pelbagai menu**

Sementara itu pelajar bidang Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dari Yaman, Mohammad Ahmad, 20, berkata program berkenaan kali pertama disertai membuka peluang bertemu dengan rakan senegara.

"Sebelum ini, kami tidak berkesempatan berjumpa kerana sibuk

dengan kuliah," katanya.

Hanif Perasetiawan, 27, dari Jawa Tengah Indonesia, pula sudah tiga tahun menjayakan program itu.

"Saya menantikan acara ini setiap tahun kerana berpeluang menikmati pelbagai menu disediakan pelajar dari negara berlainan

dalam suatu masa.

"Kesempatan ini juga dimanfaatkan untuk mengenali budaya, bahasa, lagu kebangsaan, tarian dan nyanyian tanah air mereka," katanya.



Prof Daing Nasir **mencuba juadah disediakan oleh pelajar antarabangsa UMP.**